

MAS KAHWIN DI PAHANG: SATU PENILAIAN SEMASA

Dower in Pahang: A Current Appraisal

MUHAMMAD NAJIB ABD WAKIL
CHE MARYAM AHMAD

ABSTRAK

Menurut Islam, mas kahwin adalah pemberian wajib dari sesuatu yang bernilai dan menjadi milik mutlak pasangan wanita yang berkahwin. Berdasarkan struktur pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia, penetapan kadar mas kahwin adalah ditentukan oleh pihak berautoriti agama Islam bagi setiap negeri. Kajian mendapati negeri Pahang merupakan antara negeri yang menetapkan sandaran nilai mas kahwin terendah kepada pasangan yang ingin berkahwin iaitu sebanyak RM22.50. Justeru itu, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji sejarah dan perkembangan kadar mas kahwin di Pahang yang dibahagikan kepada era sebelum penjajahan, semasa penjajahan dan selepas penjajahan bagi negeri tersebut. Hasilnya, kajian mendapati sandaran nilai mas kahwin kepada RM22.50 bagi negeri Pahang telah bermula sejak hampir satu abad yang lalu dan tidak pernah berubah sehingga hari ini. Ironinya, kebanyakan negeri di Malaysia sudah mengambil pendekatan untuk mengkaji semula kadar mas kahwin mengikut perkembangan semasa. Kajian juga mengesan terdapat beberapa peralihan zaman sandaran mata wang dunia sejak kadar mas kahwin itu diperkenalkan sehingga hari ini. Kesannya, dapat dilihat kadar RM22.50 yang disandarkan kepada nilai emas dan perak ketika ia ditetapkan suatu ketika dahulu adalah lebih bermanfaat dan bernilai kepada manusia berbanding kadar yang sama melalui sistem mata wang apungan yang dipraktikkan pada hari ini. Kadar mas kahwin sebanyak RM22.50 pada hari ini dilihat terlalu rendah dan tidak mencapai tujuan pensyariaan atau masalah mas kahwin di dalam Islam. Kajian ini menggunakan metode kualitatif dan mengaplikasikan reka bentuk analisis kandungan, kajian pensejarahan, kajian arkib dan kajian kes. Kaedah pengumpulan data kajian ini pula adalah berbentuk analisis dokumen. Kajian ini dilihat penting bagi menilai keperluan untuk menyemak semula kadar mas kahwin sebanyak RM22.50 bagi negeri Pahang sehingga hari ini. Kajian ini mencadangkan kadar minimum mas kahwin sebanyak RM22.50 yang ditetapkan di negeri Pahang dinilai dengan kadar 10 dirham pada nilai semasa iaitu dalam lingkungan RM75.00 tanpa penetapan nilai maksimum.

Kata kunci: Mas Kahwin, Mahar, Undang-undang keluarga Islam, Hak wanita dalam Islam, Perkahwinan dalam Islam

ABSTRACT

In Islam, there are many evidences that urge groom to place something valuable as a dower as it will be possessed absolutely by the bride. Giving mahr or dower is obligatory on the groom in favor of the bride for the purpose of marriage. In Malaysia, the amount of mahr are decided by respective state of Islamic authorities accordingly as the power provided under Federal Constitution of Malaysia. This study found that Pahang is among the states with the lowest underlying rates of mahr or dower fixed upon marrying couples at RM22.50. Hence, objective of this study is to examine the history and transformation of mahr's rate in Pahang of RM22.50 started from pre-colonial, colonial and post-colonial era of Pahang. Consequently, this study found that the mahr's rate of RM 22.50 in Pahang was introduced and has not changed since almost a century ago. Ironically, many states have adopted approaches to review and change the underlying value of the mahr in accordance to the current needs. In fact, there have been some transitional periods of world currencies since that particular rate of mahr was introduced until today. Thus, this study found that the mahr's rate of RM22.50 which was based on the value of gold and silver previously was more beneficial for the people at that particular time as compared to the same rate used under today's floating fiat currency. Mahr's value of RM22.50 in today's world is too small and irrelevant as what Islam ruled and aimed from the regulation of mahr. This study employs a qualitative method by using content analysis, historical, archive and case study. The present study used document analysis as a method to gain information. The study is important in order to assess the need to maintain or change the underlying value of RM22.50 which is still used in determining the mahr in the state of

Pahang until today. The study also suggests that the existing rate of mahr to be revalued in congruity with the current value of 10 dirham which is around RM75.00 as minimum rate without any highest limitation.

Keywords: *Dower, Mahr, Islamic family law, Women rights in Islam, Marriage in Islam*

PENGENALAN

Mas kahwin merupakan suatu pemberian harta yang diwajibkan ke atas suami kerana akad perkahwinan. Mengikut amalan pentadbiran Syariah di Malaysia, terdapat perbezaan kadar mas kahwin yang ditetapkan oleh negeri-negeri dan wilayah-wilayah di Malaysia mengikut keputusan bidang kuasa agama Islam dalam jajahan masing-masing. Kajian mendapati negeri Pahang telah menetapkan kadar mas kahwin dengan nilai terendah di Malaysia iaitu sebanyak RM22.50. Kadar sandaran ini tidak berubah sejak hampir satu abad dikuatkuasakan. Kajian mendapati kadar RM22.50 tersebut disandarkan kepada bayaran gaji seorang pegawai daerah di negeri Pahang pada sekitar tahun 1930an yang boleh dikategorikan sebagai nilai yang berharga di sisi masyarakat pada waktu tersebut (Sazilarahimi 2017). Kadar tersebut juga didapati tidak relevan dengan realiti hari ini memandangkan mata wang pada ketika itu bersandarkan emas dan perak sedangkan kini mata wang adalah bersandarkan nilai semasa Dollar Amerika Syarikat. Hampir keseluruhan negeri di Malaysia sudah menjalankan kajian semula dan mengubah kadar sandaran mas kahwin melalui peruntukan kuasa mengikut negeri atau wilayah masing-masing. Oleh itu, kajian ini akan meneliti sorotan sejarah mengenai kadar mas kahwin yang ditetapkan di negeri Pahang sehingga kini. Kajian ini membahagikan dapatan kepada beberapa tempoh waktu iaitu era sebelum penjajahan, semasa penjajahan dan selepas penjajahan. Kajian ini dilihat penting bagi menilai keperluan untuk mengekalkan atau menukar penetapan nilai RM22.50 sebagai kadar mas kahwin di negeri Pahang sehingga hari ini bagi mencapai hikmah pensyariaan mas kahwin mengikut ajaran Islam.

MAS KAHWIN MENURUT ISLAM

Mahar atau mas kahwin dapat difahami sebagai satu pemberian bernilai yang disediakan oleh pihak pasangan lelaki kepada pasangan wanitanya bagi tujuan perkahwinan. Menurut *Kamus al-Mu'tamad* pula, mahar merupakan pemberian harta oleh pasangan lelaki kepada pasangannya ketika perkahwinan mereka berlangsung (Utyah 2007). Menurut *Kamus Tahzīb al-Lughah*, mahar juga bermaksud *al-sadaq* yang bermaksud pemberian barang yang bernilai kepada pihak pasangannya bagi tujuan perkahwinan (al-Azhari 2007). Menurut Zaydan (1993), mahar didefinisikan sebagai pemberian wajib yang berbentuk harta atau manfaat daripada pihak suami kepada pasangannya sama ada dengan sebab pernikahan atau persetubuhan. Mahar juga dirujuk sebagai *sadaq*, *nihlah*, *faridah*, *hibah*, dan *ajr* di dalam al-Quran (al-Zuhayli 1989). Namun begitu, keseluruhan daripada istilah-istilah tersebut membawa maksud dan pengertian yang hampir sama (al-Jaziri 2001). Mas kahwin atau mahar menurut al-Zuhayli (1989), adalah diwajibkan kepada pasangan lelaki dan bukannya wanita. Hal ini disebabkan lelaki mempunyai kemampuan dan kekuatan yang melebihi wanita dalam usaha mencari pendapatan bagi meneruskan kehidupan.

Terdapat sebahagian ulama yang menganggap pemberian mahar sebagai pertukaran atau ganjaran kepada persetubuhan yang dilakukan antara pasangan (al-Zuhayli 1989). Mahar merupakan hak peribadi dan individu bagi seorang isteri, justeru Islam memberi hak kepada

isteri untuk menafikan tanggungjawab dan kewajibannya terhadap suami selagi mana mahar tidak ditunaikan (al-Sha'rawi 2000).

Shaykh al-Islam Ibn Taymiyyah (2005) menyatakan bahawa sesiapa yang memiliki kemampuan dan kekayaan dan ingin memberikan mahar yang bernilai tinggi kepada isterinya adalah tidak dilarang berbuat sedemikian. Hal ini bersesuaian dengan firman Allah di dalam surah al-Nisa' ayat 20 yang bermaksud:

“...dan jika kamu ingin mengganti isterimu dengan isteri yang lain, sedang kamu telah memberikan kepada seseorang di antara mereka harta (mahar) yang banyak, maka janganlah kamu mengambil kembali daripadanya walau sedikitpun. Adakah kamu akan mengambil kembali dengan jalan tuduhan yang dusta dan menanggung dosa yang nyata?”

Berdasarkan ayat ini, Ibn al-Kathir (2008) menyatakan terdapat dalil pengharusan kadar pemberian mahar yang banyak dan tinggi yang dapat difahami melalui perkataan *qintar* yang membawa maksud jumlah yang besar daripada harta. Ibn al-‘Arabi (2006), juga menyatakan bahawa lafaz *al-qintar* membawa maksud harta yang banyak mengikut *‘urf* sesuatu tempat. Ibn al-‘Ashur (2014) melalui tafsirnya, menyatakan bahawa melalui ayat ini, Allah SWT telah mengharuskan pemberian mas kahwin atau harta yang banyak dan tidak terbatas sebagai pemberian mas kahwin.

HIKMAH PENSYARIATAN MAS KAHWIN MENURUT ISLAM

Setiap pensyariatan di dalam hukum-hakam Islam pasti tidak terlepas daripada kepentingannya, sama ada berperanan untuk menolak keburukan atau mencapai kebaikan. Ibn ‘Ashur (2004) menyatakan bahawa Allah tidak menjadikan sesuatu pensyariatan sia-sia dan tidak berguna. Perkara ini bersesuaian dengan pelbagai dalil, antaranya firman Allah dalam surah al-Dukhan ayat 37 maksudnya:

“Dan Kami tidak menciptakan langit dan bumi dan apa yang ada antara keduanya dengan bermain-main”.

Mas kahwin juga tidak terlepas daripada tujuan pensyariatannya yang tersendiri. Menurut al-Siba‘i (1999), pemberian mas kahwin disyariatkan sebagai lambang kemuliaan dan penghargaan terhadap wanita melalui sesebuah perkahwinan. Perkara ini juga disokong oleh Mohd Shahzihan (2009) yang mewakili Jabatan Agama Islam Selangor yang berpendapat bahawa mas kahwin berperanan memberi hak pemilikan dan mengiktiraf kehormatan wanita. Pemberian mas kahwin dengan sesuatu yang bernilai secara logiknya mampu meningkatkan kasih sayang antara pasangan. Pihak lelaki yang telah berkorban demi menunaikan mas kahwin yang bernilai kepada pasangannya akan lebih bersikap rasional dan berhati-hati dalam apa-apa tindakan demi menjamin kelangsungan ikatan perkahwinan yang telah dibina. Haron Din (1993) telah menyifatkan pemberian mas kahwin dipercayai mampu melahirkan tanda keikhlasan dan menjalinkan kasih sayang antara pasangan yang berkahwin. Al-Marghinani (2010), menyatakan bahawa kedudukan mas kahwin walaupun bukan sebagai syarat sah sesebuah perkahwinan, pemberiannya adalah wajib sebagai simbol kemuliaan perkahwinan di dalam Islam. Dihuraikan juga oleh al-Kasani (1986), yang menegaskan bahawa asas perkahwinan adalah untuk berkekalan dan perkahwinan yang kekal dan kukuh hanya terbentuk melalui persetujuan bersama oleh pasangan. Persetujuan pula akan tercapai sekiranya pihak wanita dilihat mulia melalui pandangan pihak lelaki tersebut. Seterusnya, beliau berpendapat kemuliaan wanita

tersebut tidak dapat diekspresikan melainkan dengan pemberian sesuatu yang dilihat berharga oleh pihak lelaki kerana lazimnya sesuatu yang sukar untuk dikecap oleh manusia, akan susah pula untuk dilepaskan sewenang-wenangnya.

Ketiadaan mas kahwin atau nilai pemberian mas kahwin yang sedikit akan menghilangkan rasa hormat dan memberi jalan kepada suami untuk menghina dan melafazkan talak terhadap isterinya dengan mudah. Mas kahwin menurut al-Zuhayli (1989), bertujuan untuk menzahirkan keutamaan dan kepentingan sebuah perkahwinan di samping memuliakan kedudukan wanita. Penyediaan mas kahwin di dalam Islam juga dilihat sebagai ukuran tahap persediaan pasangan dalam menempuh alam perkahwinan yang lebih mencabar. Mas kahwin yang diberikan turut menjadi perlambangan kesucian dan keikhlasan pihak suami untuk menjalani kehidupan bersama-sama pasangan wanita yang dipilihnya. Bagi memastikan wanita tersebut mendapat manfaat daripada mas kahwin yang diberikan, mas kahwin yang diberikan mestilah terdiri daripada *al-mal al-mutaqawwam* iaitu barangan yang bernilai dan bermanfaat seperti emas, perak, tanah dan sebagainya. Sukayri (2006), pula menyatakan mas kahwin atau mahar merupakan hak mutlak seseorang wanita yang berkahwin. Ia merupakan sebuah pensyariatan oleh Allah sebagai lambang pertukaran dan persetujuan wanita merelakan dirinya dipersetubuhi oleh suaminya. Justeru itu, agak menghairankan sekiranya kadar yang rendah ditetapkan sebagai imbalan bagi kemahkotaan dan kesucian seorang wanita. Islam amat menjaga kemuliaan dan kedudukan seorang wanita.

Perbuatan melazimkan pemberian mas kahwin dengan kadar yang terlalu rendah dilihat tidak jauh bezanya dengan perbuatan arab jahiliyyah yang tidak mengiktiraf pemberian harta kepada wanita. Pemberian mas kahwin yang diamalkan pada zaman jahiliyyah adalah diberikan kepada bapa pihak wanita. Mereka tidak mengiktiraf perbuatan memberi mas kahwin kepada pasangan wanita. Pihak bapa wanita pula adalah bebas menggunakan mas kahwin yang diberikan tanpa perlu mendapat izin anak perempuannya terlebih dahulu (Mohd Shahzihan 2009). Pernyataan ini turut disokong oleh Freeland (t.th.) melalui penulisan artikelnya *The Islamic Institution of Mahr and American Law* yang berpendapat mas kahwin di dalam Islam juga membuktikan mas kahwin sebagai harta eksklusif wanita yang tidak boleh disekat dan dikawal oleh sesiapa pun termasuk walinya.

Menurut al-Sha'rawi (2000), mas kahwin difardukan oleh Allah ke atas pihak lelaki untuk diberikan kepada pasangan wanitanya sebagai bukti ikatan cinta antara kedua-duanya. Di samping itu, mas kahwin juga bertindak mengikat perhubungan kedua-dua pasangan dengan kasih-sayang dan belas-kasihan di bawah kepimpinan pasangan lelaki tersebut.

Pensyariatan mas kahwin yang bertujuan memberi hak pemilikan harta kepada wanita menunjukkan bahawa mas kahwin adalah harta atau aset yang produktif dan bernilai tinggi kepada wanita (al-Sabiq 2000). Menurut Shamim (2007), mas kahwin bukanlah sekadar pemberian wajib oleh suami kepada isteri, tetapi ia dilihat sebagai pemberian yang bernilai dan berpotensi sebagai jaminan sosioekonomi wanita kerana mas kahwin pada dasarnya mestilah dalam bentuk sesuatu yang berharga dan mempunyai nilai. Hasbi (2013) juga menyatakan bahawa mas kahwin sememangnya berperanan menjamin sosioekonomi seseorang wanita yang berkahwin. Pemberian mas kahwin dengan sesuatu yang bernilai dilihat mampu memberi jaminan sekuriti dan perlindungan awal sekiranya berlaku perkara-perkara yang tidak diduga seperti kematian suami atau perceraian yang memaksa wanita untuk menggunakan wang sendiri. Justeru itu, pemberian mas kahwin dengan kadar yang produktif mungkin boleh dijadikan modal perniagaan atau pelaburan di mana-mana institusi yang sesuai. Abdul Ghani (2004) pula berpendapat mas kahwin juga adalah satu pemberian sebagai tanda pengiktirafan dan penghargaan yang tinggi kepada kaum wanita selain bertujuan mengembirakan wanita yang dikahwini. Pendapat ini disokong pula oleh Siti Nor Ahiasah (2010) yang berpendapat bahawa

mengikut perundangan Islam, mas kahwin diwajibkan kepada suami bertujuan untuk meningkatkan status sosial wanita dan sebagai simbol pengiktirafan Islam kepada mereka.

Mohd Shahzihan (2009) menegaskan bahawa pemberian mas kahwin amat berkait rapat dengan kedudukan sosial kaum wanita di dalam Islam. Pemberian mas kahwin dapat meningkatkan kedudukan sosial kaum wanita dan sekiranya seseorang wanita dikahwini tanpa mas kahwin, ia seolah-olah merendahkan maruah kaum wanita dan membawa kepada kehinaan. Pergaulan antara kedua-dua pasangan yang berkahwin tanpa pemberian mahar juga akan sedikit goyah dan tidak memuaskan hati pihak wanita terutamanya. Kesannya, ikatan yang terjalin antara kedua-dua pasangan akan mudah pudar dan putus di samping tidak menzahirkan kehebatan seseorang lelaki. Hal ini terbukti melalui firman Allah di dalam surah al-Nisa' ayat 34 maksudnya:

“Kaum lelaki itu adalah pemimpin bagi kaum wanita, oleh kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka (lelaki) atas sebahagian yang lain (wanita), dan karena mereka (lelaki) telah menafkahkan sebagian dari harta mereka. Sebab itu maka wanita yang solehah, ialah yang taat kepada Allah lagi memelihara diri ketika suaminya tidak ada, oleh kerana Allah telah memelihara (mereka). Wanita-wanita yang kamu khawatirkan nusyuznya, maka nasehatilah mereka dan pisahkanlah mereka di tempat tidur mereka, dan pukullah mereka. kemudian jika mereka mentaatimu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkannya. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi lagi Maha Besar”.

Oleh itu, mas kahwin perlu diberikan oleh seorang suami sebagai lambang tanggungjawab dan kemampuannya dalam melayari bahtera perkahwinan yang lebih mencabar bersama pasangannya. Suami perlu merasakan bahawa mempunyai seorang isteri bukanlah perkara yang mudah melainkan dengan persediaan dan kemampuan dari sudut *lahiriah* mahupun *batiniah*.

Berdasarkan perbincangan yang telah dinyatakan di dalam sub tajuk ini, terdapat beberapa hikmah pensyariatan mas kahwin telah dinyatakan oleh beberapa orang sarjana Islam. Antaranya, mas kahwin merupakan lambang kesucian dan ketinggian wanita di dalam Islam, simbol pengiktirafan Islam terhadap hak pemilikan harta oleh wanita dan lain-lain lagi. Bagi mencapai tujuan atau hikmah pensyariatan mas kahwin tersebut, pemberian mas kahwin dengan nilai yang terlalu rendah dipercayai tidak mampu memenuhi tujuan mas kahwin disyariatkan seperti yang diamalkan di Pahang pada hari ini. Oleh itu, kajian ini bertindak mengkaji sejarah dan perkembangan penetapan kadar mas kahwin di negeri tersebut bagi melihat kerelevanan kadar semasa mas kahwin kahwin negeri tersebut dipinda kepada nilai yang lebih sesuai.

SEBELUM PENJAJAHAN DI PAHANG

Hukum Kanun Pahang merupakan undang-undang bertulis pertama yang dikuat kuasakan di negeri Pahang. Penulisan kandungan Hukum Kanun Pahang adalah berpaksikan Hukum Kanun Melaka. Kumpulan Undang-undang itu disusun antara tahun 1592-1914 iaitu pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Ghafur Muhaiddin Shah (Winstedt & Kempe 1948). Peruntukan-peruntukan di dalam Hukum Kanun Pahang juga menurut Winstedt dan Kempe (1948) mengandungi peruntukan yang lebih bersifat Islamis berbanding unsur adat. Penulisan Hukum Kanun Pahang pada era tersebut adalah lanjutan daripada Hukum Kanun Melaka yang ditulis pada masa pemerintahan Sultan Muzaffar Shah sekitar tahun 1445-1456 (Abdul Kadir 1996). Hukum Kanun Pahang merupakan perundangan bertulis ketiga yang mempunyai ciri-ciri perundangan Islam selepas Batu Bersurat Terengganu dan Hukum Kanun Melaka. Undang-undang Melaka mempunyai 44 fasal manakala Undang-undang Pahang merangkumi 93 fasal

kesemuanya. Walaupun undang-undang Pahang kelihatan panjang, tetapi bukan semua fasal yang terkandung di dalam Undang-undang tersebut berunsurkan perundangan Islam. Menurut Winstedt dan Kempe (1948), kandungannya yang awal mencerminkan pengaruh Hindu iaitu yang terdiri daripada fasal pertama sehingga fasal ke-23 sebelum ditambah sebanyak 66 fasal lagi setelah menerima pengaruh Islam. Ia berkembang lagi menjadi 67 fasal dan kemudiannya 93 fasal setelah menerima pengaruh Hukum Kanun Melaka serta mengutip beberapa isi daripada Undang-undang Johor.

Abu Hassan Sham (1972) berpendapat bahawa hampir separuh daripada keseluruhan kandungan Hukum Kanun Pahang adalah diambil terus daripada perundangan Islam. Jika dibandingkan dengan Hukum Kanun Melaka, undang-undang yang terkandung dalam Hukum Kanun Pahang adalah lebih lengkap dan terperinci. Hal ini terjadi kerana Hukum Kanun Melaka disusun pada zaman Islam masih lagi belum bertapak kukuh di Semenanjung Tanah Melayu, sedangkan Undang-undang Pahang ditulis sesudah berkembangnya pengaruh Islam (Mohd Taib 1974). Walaupun begitu, Zaini (2004) berpendapat bahawa undang-undang yang berkaitan muamalat dan munakahat masih mengandungi sedikit sebanyak pengaruh hukum adat. Menurut beliau lagi, dari sudut soal undang-undang keluarga dan perkahwinan pula, hakikatnya tiada peruntukan berkaitan undang-undang keluarga Islam dalam teks Hukum Kanun Pahang. Namun begitu, beberapa orang sarjana sejarah yang mengkaji teks tersebut mendapati bahawa fasal 67 yang tidak dimasukkan di dalam teks tersebut sebenarnya terdiri daripada fasal 25-27 Hukum Kanun Melaka iaitu bahagian undang-undang keluarga Islam.

Dalam inisiatif yang lain, pengkaji juga berusaha untuk merujuk salinan manuskrip Hukum Kanun Pahang. Hasilnya, pengkaji tidak menjumpai apa-apa peruntukan berkenaan mas kahwin mahupun kadarnya di dalam perundangan tersebut. Kajian ini tidak menemukan apa-apa peruntukan mengenai kadar mas kahwin di dalam Hukum Kanun Pahang mahupun Hukum Kanun Melaka yang menjadi rujukan dan ibu perundangan Islam pada ketika itu.

SEMASA PENJAJAHAN DI PAHANG

Menurut Abdul Kadir (1996), Pahang telah dikuasai oleh Inggeris pada tahun 1888 dan digabungkan menjadi Negeri-negeri Melayu Bersekutu bersama negeri Perak, Selangor dan Negeri Sembilan. Negeri-negeri ini turut diperkenalkan dengan Enakmen Pentadbiran Agama Islam. Enakmen terawal di negeri Pahang adalah The Muhammadan Marriage and Divorce Registration Enactment 1900. Penulisan enakmen ini adalah dalam Bahasa Inggeris. Beberapa kandungan enakmen lain seperti The Muhammadan Laws Enactment 1904 dan The Muhammadan Marriage and Divorce Registration 1915 turut diperkenalkan di Pahang dan dibincangkan. Pada tahun 1920, Pahang telah menggubal satu enakmen baharu bagi menyelia dan mengurus urusan perkahwinan dan penceraian di Pahang. Enakmen tersebut adalah The Muhammadan Marriage and Divorce Registration Enactment 1920. Enakmen ini telah dipinda beberapa kali memperbaiki kandungannya ini dari semasa ke semasa. Perubahan demi perubahan terhadap isi kandungan enakmen ini telah dilakukan yang akhirnya pada tahun 1951, Pahang telah menukar penggunaan “Muhammadan” dalam enakmen-enakmen yang digubal sebelumnya dan ditukar kepada perkataan “Muslim”. Oleh itu, enakmen yang diperkenalkan pada ketika itu diberikan nama The Muslim Marriage and Divorce Registration (Amendment) Enactment 1951. Enakmen itu kemudian dipinda dan ditukar kepada The Administration of the Law of the Religion of Islam Enactment 1956. Menurut Abdul Kadir (1996), Undang-undang Pentadbiran 1956 ini merupakan lanjutan dan kesinambungan daripada enakmen-enakmen sebelumnya dalam kerangka yang lebih terkehadapan mengikut peredaran waktu ketika itu. Dari segi prinsip, tidak wujud perbezaan yang ketara dengan undang-undang sebelumnya iaitu

menitik beratkan aspek ibadat, munakahat dan beberapa perkara lain. Penulisan enakmen yang pada awalnya dalam Bahasa Inggeris, tetapi kemudiannya ia telah diperkenalkan dalam Bahasa Melayu yang bertulisan Jawi.

Hasil temu bual yang dijalankan bersama wakil pegawai Jabatan Agama Islam Pahang Daerah Pekan (JAIP), kajian mendapati bahawa kadar RM22.50 dipercayai diperkenalkan pada tahun 1930an iaitu ketika The Muhammadan Marriage and Divorce Registration Enactment dikuatkuasakan (Sazilarahimi 2017). JAIP yang pernah melakukan kajian mengenai penetapan kadar mahar di negeri tersebut tidak mendapati sebarang dokumen atau asas undang-undang bertulis yang jelas menyatakan bila penetapan kadar RM22.50 itu mula dikuatkuasakan. Namun begitu, pihak JAIP telah mengambil inisiatif menemubual orang-orang lama di Pahang (yang terlibat secara langsung dengan urusan perkahwinan di negeri Pahang suatu ketika dahulu) dengan bertanyakan pengalaman mereka bagi menjejak sejarah permulaan penetapan kadar RM22.50 sebagai kadar mas kahwin di Pahang. Kajian mendapati tiada tahun yang spesifik diberikan oleh mana-mana responden, tetapi mereka bersetuju penetapan kadar mas kahwin tersebut bermula sekitar tahun 1930an. Usaha lanjutan turut dijalankan dengan mengkaji dokumen-dokumen lama yang melibatkan kuasa Kadi Besar pada waktu dahulu, namun tiada apa-apa dokumen berkaitan yang dijumpai. Dapat disimpulkan bahawa tahun-tahun 1930an merupakan era penjajahan Inggeris.

Merujuk kepada The Muhammadan Marriage and Divorce Registration Enactment 1920, didapati tiada kadar minimum dan maksimum mahar yang ditetapkan di dalam enakmen tersebut, namun begitu pasangan adalah digalakkan untuk memberi mahar yang bernilai tidak rendah daripada 10 dirham dan tidak lebih daripada 500 dirham (Ibrahim 1965). Disebutkan di bawah seksyen 38 dalam Muhammadan Law, mahar yang ditetapkan atau dikenali sebagai *Mahar al-musamma* mestilah tidak kurang daripada nilai 10 dirham yang nilainya mestiah dipersetujui oleh kedua-dua pihak suami dan isteri sebelum, semasa atau selepas perkahwinan (Babu Ram 1968). Dinyatakan juga, nilai dirham adalah disandarkan kepada perak (Roland Knyvet 1920). Kajian ini mengandaikan bahawa pihak berkuasa negeri Pahang mengasimilasi kadar RM22.50 yang diamalkan di Johor untuk diamalkan di negeri tersebut. Kemungkinan ini adalah berasaskan rujukan isi kandungan yang dapat dilihat melalui penetapan di dalam Ahkam Syar'iyah Johor 1935. Perkara 309 Ahkam Syar'iyah Johor menyatakan bahawa kadar nilai mahar bagi seluruh negeri dan jajahan Johor mestilah sebanyak sekati perak yang bersamaan RM22.50, tidak lebih dan boleh kurang. Kadar RM22.50 yang bersamaan nilai sekati Perak telah dinyatakan dengan jelas di dalam peruntukan tersebut. Perlu juga untuk difahami bahawa Ahkam Syar'iyah Johor telah diperkenalkan pada tahun 1935 iaitu sekitar tahun penetapan kadar RM22.50 sebagai kadar mas kahwin di negeri Pahang. Oleh itu, tidak wujud perbezaan tempoh masa yang jauh antara negeri Johor dan Pahang dalam menetapkan kadar RM22.50 sebagai sandaran nilai mas kahwin bagi kedua-dua negeri tersebut. Kadar RM22.50 juga dilihat signifikan dan bernilai bagi kedua-dua negeri tersebut pada waktu itu lantaran jurang ekonomi, lokasi dan status sosial masyarakat yang tidak jauh berbeza (Sazilarahimi 2017).

SELEPAS PENJAJAHAN DI PAHANG

Selepas Tanah Melayu berjaya mencapai kemerdekaan daripada penjajah, Pahang meneruskan pindaan terhadap undang-undang yang berkaitan perkahwinan. Antaranya adalah menerusi Enactment No. 5 of 1956 Administration of The Law of The Religion of Islam Enactment (Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Enakmen No. 5) 1956). Peruntukan mengenai mas kahwin terdapat di dalam bahagian ke-6 iaitu "*marriage and divorce*" (perkahwinan dan perceraian) di bawah seksyen 123 iaitu mengenai "mas kahwin dan belanja". Walau

bagaimanapun, seksyen ini menyentuh soal kewajiban pemberian mas kahwin dengan kehadiran dua orang saksi, prosedur dan tugas juru nikah atau pendaftar nikah dalam mencatat kadar pemberian mas kahwin, kadar pemberian belanja, kadar mas kahwin atau belanja yang ditangguh pembayarannya selepas akad nikah, dan apa-apa bentuk jaminan bayaran mas kahwin atau belanja. Enakmen ini telah dipinda pada tahun 1960 dan 1963. Namun begitu, kajian ini mendapati tiada sebarang pindaan yang melibatkan peruntukan mengenai mas kahwin.

Enactment No. 5 of 1956 Administration of The Law of The Religion of Islam Enactment 1956 telah dimansuhkan dan digantikan dengan Enakmen 3 Tahun 1987 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 1987. Peruntukan mengenai mas kahwin yang pada asalnya di bawah seksyen 123 kini telah diperuntukkan di bawah seksyen 21. Bahagian perkahwinan juga telah diubah kedudukannya dan diperuntukkan dalam bahagian yang kedua enakmen tersebut. Seksyen 21 tersebut telah diberi nama seksyen “mas kahwin dan pemberian”. Namun begitu, kajian mendapati isi kandungan seksyen tersebut tidak berubah dan sama seperti peruntukan di dalam enakmen sebelum ini. Tiada peruntukan yang menunjukkan kadar mas kahwin. Kandungan seksyen 21 hanya menjelaskan tentang kewajiban pemberian mas kahwin dengan kehadiran dua orang saksi. Selain itu, tugas pendaftar nikah turut dinyatakan melalui seksyen ini iaitu untuk menjalankan tugas merekod butiran nilai mas kahwin, butiran mengenai pemberian, sebarang janji atau penangguhan mengenai mas kahwin dan pemberian lain yang akan diberikan selepas akad nikah, dan butir-butir cagaran yang diberi bagi menjelaskan mas kahwin atau pemberian. Melalui seksyen 58 di bawah bahagian “pembubaran perkahwinan”, seorang isteri diberikan keistimewaan untuk tidak memulangkan mas kahwin yang diberi oleh pihak suami sekiranya berlaku pembubaran perkahwinan.

Kemudian pada tahun 1988, Kaedah Undang-undang Keluarga Islam (Borang dan Fee) 1988 (Phg. P.U 8/88) telah diperkenalkan. Kaedah adalah berkenaan borang-borang yang perlu dilengkapkan sebelum dan semasa akad nikah berlangsung. Kajian mendapati terdapat dua borang yang mempunyai ruangan kosong berkenaan kadar mas kahwin yang ingin diberikan oleh pasangan berkahwin. Dua borang tersebut adalah Borang 2 iaitu “Borang Permohonan Untuk Kebenaran Berkahwin Bagi Perempuan” dan Borang 5 iaitu “Surat Perakuan Nikah”. Kedua-dua borang tersebut menyediakan ruang kosong mengenai “mas kahwin” dan “belanja hantaran” untuk diisi oleh pihak pengantin.

Pada tahun 2005, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 1987 (Enakmen 3/87) telah dipinda dan dinamakan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2005 (En. 3/05). Tiada perubahan yang dicatatkan mengenai peruntukan mas kahwin menerusi enakmen terbaru ini. Peruntukan enakmen sebelumnya iaitu Enakmen 3 Tahun 1987 dikekalkan.

Secara amnya, peruntukan perundangan mengenai mas kahwin ada dinyatakan di dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam 2005. Di bawah seksyen 2 enakmen tersebut, mas kahwin diertikan sebagai pembayaran kahwin yang wajib dibayar di bawah hukum Syarak oleh suami kepada isteri pada masa perkahwinan diakadnikahkan, sama ada berupa wang yang sebenarnya dibayar atau diakui sebagai hutang dengan atau tanpa cagaran, atau berupa sesuatu yang menurut hukum Syarak, dapat dinilai dengan wang. Di bawah seksyen 21, terdapat peruntukan yang hanya menyentuh soal cara dan prosedur pemberian mahar ketika akad nikah dilangsungkan dan berkaitan peranan pendaftar perkahwinan dalam proses perekodan mahar.

Tiada peruntukan undang-undang yang menyentuh tentang kadar mas kahwin atau mahar di negeri Pahang (Enakmen Undang-undang Keluarga Islam 2005). Namun begitu, terdapat banyak dapatan yang membuktikan negeri Pahang sememangnya menetapkan kadar RM22.50 sebagai nilai tetap mas kahwin bagi mana-mana pasangan yang ingin berkahwin di negeri tersebut. Antaranya adalah melalui hasil rujukan terus kepada rekod nikah yang telah

dijalankan di Pahang dari pelbagai daerah sejak tahun 2012. Kajian mendapati kesemua rekod nikah yang disimpan oleh pihak Jabatan Agama Islam Pahang adalah mencatatkan nilai RM22.50 sebagai nilai mas kahwin yang tetap (Sazilarahimi 2017).

Terdapat beberapa desakan yang dilakukan terhadap pihak berautoriti di negeri Pahang ke arah semakan semula kadar mas kahwin tersebut. Namun menurut Datuk Abdul Rahman Othman, Mufti Negeri Pahang menyatakan bahawa tiada keperluan untuk mengubah kadar asal mas kahwin yang telah ditetapkan iaitu bernilai RM22.50 walaupun diakui kadar tersebut adalah kadar lama yang tidak pernah berubah (BERNAMA 2013). Menurut beliau lagi Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) telah mengkaji kewajaran pindaan kadar tersebut dan mendapati kadar mahar tersebut masih relevan. Pihak pasangan lelaki sudahpun dibebani kadar hantaran yang tinggi dan jangan pula bebanan sedia ada ditambah dengan kadar mahar yang tinggi dan melampau. Jawapan maklum balas ini wujud ekoran persoalan dan usul yang di bawakan oleh pihak PAS Pahang, Datuk Tuan Ibrahim yang meminta pihak Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) untuk mengkaji dan mempertimbangkan perubahan kadar minimum asal mahar sebanyak RM22.50 kepada RM220.50. Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa kadar RM22.50 merupakan nilai atas kertas yang akan dicatat oleh juru nikah atau pendaftar perkahwinan semasa akad nikah berlaku walaupun nilai mas kahwin yang diberikan adalah lebih tinggi daripada itu (Sazilarahimi 2017). Penetapan ini juga menimbulkan tanda tanya tentang apakah signifikannya catatan nilai RM22.50 dalam pendaftaran pernikahan sehingga mengabaikan perekodan jumlah sebenar mas kahwin yang diberikan walaupun nilai tersebut lebih tinggi. Dapatan yang diraih daripada temubual bersama wakil pegawai Pejabat Agama Islam Daerah Pekan juga telah mengesahkan bahawa nilai RM22.50 merupakan nilai tetap mas kahwin yang dikenakan kepada pasangan yang ingin bernikah. Nilai mas kahwin tidak boleh lebih rendah atau lebih tinggi daripada nilai RM22.50. Jika pasangan menetapkan nilai mas kahwin melebihi nilai RM22.50, nilai lebihan tersebut dianggap sebagai hadiah atau hantaran buat pengantin perempuan. Nilai ini terpakai secara tetap bagi seluruh daerah di bawah negeri Pahang (Sazilarahimi 2017). Dapatan daripada temu bual ini juga disokong oleh paparan di bahagian soalan lazim laman web Jabatan Agama Islam Pahang yang menyatakan bahawa pasangan lelaki dibenarkan memberi mas kahwin melebihi nilai RM22.50 tetapi hanya RM22.50 sahaja yang akan dicatatkan dalam surat perakuan nikah (JAIP 2016). Oleh itu, dapat difahami bahawa nilai RM22.50 merupakan kadar tetap mas kahwin yang ditetapkan di Pahang, tidak lebih dan tidak kurang.

SANDARAN MATA WANG BAGI NILAI MAS KAHWIN

Kajian telah membincangkan bahawa kadar RM22.50 sebagai nilai tetap mas kahwin telah mula diperkenalkan di Pahang sejak tahun 1930an lagi (Sazilarahimi 2017). Namun begitu, kajian ingin mengetahui dengan lebih lanjut apakah sandaran mata wang yang diamalkan pada waktu tersebut dan adakah kadar RM22.50 sekitar tahun 1930an sama nilai dan kuasa gunanya dengan nilai RM22.50 yang kita gunakan pada hari ini? Merujuk kepada isu sandaran nilai mata wang ketika kadar RM22.50 sebagai nilai mas kahwin diperkenalkan di Pahang iaitu sekitar tahun 1930an, era tersebut merupakan period atau zaman wang kertas dilaksanakan secara sementara bermula tahun 1931 dan berakhir tahun 1944. Era tersebut berdurasi selama 14 tahun dan merupakan sistem mata wang sementara yang turut dikenali sebagai keadaan ‘panik’. Keadaan ‘panik’ ini berlaku apabila berlakunya ketidakstabilan ekonomi atau peperangan besar. Sistem mata wang kertas kebiasaannya akan digunakan sekiranya berlakunya kemelesetan ekonomi (*great depression*). Antara waktu-waktu panik yang pernah berlaku adalah semasa Perang Napoleon, Perang Saudara Amerika Syarikat, Perang Dunia Pertama (1914), Perang Dunia ke-2

(1939-1945), Great Depression (1920-an dan 1930an), Perang Vietnam (1965-1970) dan Krisis Ekonomi Global (2009-2011). Namun begitu, menurut Salmy (2009) sistem wang kertas pada ketika itu (1931-1944) berbeza dengan sistem wang kertas pada hari ini. Wang kertas pada waktu itu disandarkan kepada emas dan perak manakala wang kertas pada hari ini mengikut sistem wang apungan yang disandarkan kepada nilai Dolar Amerika Syarikat.

Sistem wang kertas sementara ini tidak bertahan lama. Pada tahun 1944, perwakilan daripada negara-negara komunis telah mewujudkan satu persidangan untuk melakukan pembentukan semula sistem kewangan antarabangsa sehingga tercetusnya sistem Bretton Woods. Sistem Bretton Woods telah digunapakai bermula tahun 1944 sehingga tahun 1971 berdurasi selama 27 tahun (Salmy Edawati et al. 2009). Sistem ini masih mengekalkan emas sebagai nilai sandaran asas mata wang dan atas kadar tukaran tetap. Pada tahun 1971, sekali lagi sistem mata wang telah ditukar daripada sistem Bretton Wood kepada sistem mata wang apungan setelah Amerika Syarikat menghadapi defisit akibat lebih percetakan dolar yang melebihi rizab atau simpanan emas. Sistem mata wang apungan telah berlanjutan dan kekal digunakan sehingga hari ini. Nilai mata wang dalam sistem mata wang apungan amat dipengaruhi oleh jumlah permintaan dan penawaran sesuatu mata wang. Dalam konteks Malaysia contohnya, semakin tinggi permintaan terhadap mata wang Ringgit Malaysia akibat pelaburan asing, semakin tinggi jugalah nilai mata wang ini dan sebaliknya. Begitu juga, semakin tinggi penawaran dan lebih mata wang Ringgit Malaysia dalam pasaran, semakin menurun nilai mata wang Ringgit Malaysia dan sebaliknya (Hussin & Zanirah 2009).

Hakikatnya, sejak tahun 1833 lagi manusia telah menggunakan mata wang yang berasaskan emas sehingga tahun 1973 (Sanep 2009). Setelah itu, mata wang disandarkan kepada Dolar Amerika Syarikat setelah berlakunya krisis sistem kewangan dunia sehinggalah pada hari ini (Salmy 2009). Kajian mendapati bahawa nilai mata wang Ringgit Malaysia pada tahun 1935 dan nilainya pada hari ini terdapat perbezaan yang sangat ketara. Menurut Salmy et al. (2009), sandaran mata wang kepada nilai Dolar adalah sering berubah mengikut spekulasi pasaran wang dan kadar inflasi sedangkan sandaran wang kepada emas adalah lebih stabil dan terjamin. Pernyataan ini disokong pula oleh Hassanuddeen (2009) yang berpendapat sandaran mata wang kepada komoditi utama dunia seperti emas, perak dan minyak adalah lebih adil dan stabil. Justeru, kajian mendapati bahawa nilai RM22.50 sebagai nilai mas kahwin yang diperkenalkan pada zaman mata wang disandarkan kepada nilai emas adalah tidak sama faedah dan nilainya jika digunakan pada masa kini yang mempraktikkan sistem wang apungan walaupun dengan menggunakan nilai yang sama sebanyak RM22.50.

KESIMPULAN

Setelah menyelusuri sejarah penetapan sandaran nilai mas kahwin di negeri Pahang, didapati bahawa tiada sebarang peruntukan mengenai mas kahwin serta kadarnya pada era sebelum penjajahan berlaku di negeri tersebut. Kajian mendapati nilai sandaran RM22.50 yang ditetapkan di negeri tersebut telah ditetapkan sejak hampir satu abad yang lalu. Penetapan kadar RM22.50 tersebut disepakati dan dipercayai mula diamalkan sekitar tahun 1930an iaitu ketika pihak Inggeris menjajah negeri Pahang.

Pahang dijajah oleh Inggeris bermula pada tahun 1888, telah digabungkan menjadi Negeri-negeri Melayu Bersekutu bersama negeri Perak, Selangor dan Negeri Sembilan. Pada waktu penjajahan tersebut, pihak Inggeris telah menyediakan perundangan mengenai perkahwinan yang dimuatkan di dalam Muhammadan Law kepada negeri-negeri jajahannya termasuklah negeri Pahang. Hasil rujukan kepada Mohammedan Law 1968, didapati tiada penentuan kadar pemberian mas kahwin yang spesifik dan tepat dapat dibuktikan. Namun

begitu, melalui peruntukan seksyen 38 perundangan tersebut, dapat difahami bahawa kadar pemberian mas kahwin adalah sebaik-baiknya melebihi 10 dirham dan tidak melebihi 500 dirham. Dalam masa yang sama, kadar RM22.50 telah menjadi nilai pemberian mas kahwin di Pahang sekitar tahun 1930an. Kadar ini menjadi amalan dan pegangan masyarakat setempat dari waktu itu sehingga hari ini. Kadar RM22.50 dipercayai merupakan sandaran kepada kadar gaji bulanan yang diperoleh seorang Pegawai Daerah di negeri Pahang yang menunjukkan ketinggian kadar tersebut kepada masyarakat pada waktu itu. Matawang dirham dan sandaran nilai perak dalam penetapan kadar mas kahwin ketika itu adalah mengikut sistem perkembangan mata wang dunia.

Bermula tahun 1931 sehingga tahun 1944, kebanyakan negara di dunia menggunakan sistem wang kertas buat sementara waktu. Walau bagaimanapun, sandaran wang fiat ketika itu adalah disandarkan kepada emas dan perak, berbeza dengan wang kertas pada hari ini yang bersandarkan nilai pasaran matawang Dolar Amerika Syarikat yang mudah terkesan dengan spekulasi pasaran wang. Hasilnya, wujud perbezaan nilai dan kuasa beli yang ketara antara nilai RM22.50 pada era sandaran matawang emas dan perak berbanding nilai RM22.50 kini yang bersandar kepada nilai pasaran Dollar Amerika Syarikat. Justeru itu, penetapan nilai sandaran mas kahwin sebanyak RM22.50 yang masih dilaksanakan seolah-olah tidak relevan dan memerlukan kajian semula.

Pada era selepas kemerdekaan Tanah Melayu dan pembebasan Pahang daripada jajahan Inggeris khususnya, perundangan mengenai hal ehwal Islam terus berkembang dan dikemaskini mengikut perkembangan semasa. Kuasa mengenai pentadbiran Undang-undang Syarak di Malaysia diperuntukkan dalam Jadual ke-9 Perlembagaan Persekutuan, Senarai 2 yang menyatakan bahawa pentadbiran Undang-undang syarak diberikan kuasa dan pentadbirannya mengikut negeri-negeri di Malaysia secara berasingan dan bebas daripada kuasa persekutuan.

Banyak negeri telah melakukan usaha menilai semula kadar mas kahwin di negeri masing-masing. Pensyariatan mas kahwin mempunyai peranan dan tujuan yang tersendiri di dalam Islam seperti yang sudah dibincangkan di dalam subtajuk “Hikmah Pensyariatan Mas Kahwin Menurut Islam”. Terdapat beberapa pembuktian di dalam Islam yang menunjukkan keharusan dan keutamaan pemberian harta yang bernilai ketika perkahwinan berlangsung. Kajian ini melihat kadar RM22.50 yang sangat bernilai suatu ketika dahulu perlu dikaji kesesuaian dan kuasa nilainya di dalam masyarakat pada hari ini. Kadar RM22.50 sememangnya bernilai suatu ketika dahulu tetapi tidak pada hari ini. Kadar ini juga dilihat sedikit sebanyak mampu memberi tanggapan negatif oleh orang bukan Islam terhadap pensyariatan agama Islam ini. Kajian ini menggesa agar kadar sandaran RM22.50 yang masih ditetapkan hingga hari ini di negeri Pahang perlu disemak semula. Kajian ini diharapkan dapat memberi kesan dan rujukan bagi pihak berautoriti di negeri Pahang ke arah usaha menilai semula kadar mas kahwin di negeri tersebut. Usaha ini dilihat mampu menegakkan tujuan pensyariatan mas kahwin dalam memartabatkan hak wanita dan ketinggian sebuah perkahwinan.

RUJUKAN

- Abdul Ghani Onn. 2004. Adat Perkahwinan Masyarakat Melayu Perlis: Mas Kahwin. *Jurnal Warisan Indera Kayangan* 16: 3.
- Abdul Kadir Haji Muhammad. 1996. *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Abu Hassan Sham. 1993. *Hukum Kanun Melaka: Karya Agung Warisan Melaka*. Kertas kerja Konvensyen Melaka dalam Warisan Dunia, Anjuran Kerajaan Negeri Melaka dan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Melaka di Air Keroh D'Village Melaka. 14-17 April.
- Ahmad Ibrahim. 1965. *Islamic Law in Malaysia*. Singapura: Malaysian Sociological Research Institute.
- al-Azhari, Abu Mansur Muhammad bin Ahmad. 2001. *Mu'jam Tahzīb al-Lughah*. Jil. 4. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Babu Ram Verma. 1968. *Mohammedan Law in India and Pakistan*. India: Law Publishers.
- BERNAMA. 2013. 18 Julai. Mas kahwin Pahang naik daripada RM22.50 kepada RM150. *Utusan Malaysia*. http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130708/dn_62/Mas-kahwin-Pahang-naik-daripada-RM2250-kepada-RM150.
- Dewan Undangan Negeri Pahang. 2005. Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Pahang En 3/05.
- Freeland, Richard. t.th. The Islamic institution of mahr and American Law. *Georgetown Journal of International Law* 4.
- Haron Din. 1993. *Fasakh al-Nikah wa al-Muta'alliqah bi al-Dirasah al-Muqaranah bayna al-Madhahib al-Fiqhiyyah*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan.
- Hasbi Haji Muh. Ali. 2013. Mahar sebagai satu bentuk jaminan sosio-ekonomi wanita: kajian di Tawau Sabah. Disertasi Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaysia.
- Hassanuddeen A. Aziz. 2009. Dinar sebagai mata wang mengatasi krisis ekonomi global 2008. *Prosiding Seminar Antarabangsa Penjanaan Ekonomi Melalui Transaksi*, hlm. 109-130.
- Hussin Salamon & Zanirah Mustafa. 2009. Perbandingan ekonomi kapitalisme dan sosialisme. *Prosiding Seminar Antarabangsa Penjanaan Ekonomi Melalui Transaksi*, hlm. 133-147.
- Ibn al-ʿArabi, Abu Bakr Muhammad. 2006. *Ahkam al-Qur'an al-Sughra*. al-Miziydi, Ahmad Farid. Beirut: Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Ibn ʿAshur, Muhammad Tahir. 2004. *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Qatar: Wizarah al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah.
- Ibn Kathir, Isma'il ibn ʿUmar. 2008. *Tafsir Ibn Kathir*. Terj. M. Abd Ghoffar & Abu Ihsan al-Atsari. Bogor: Pustaka Imam Al-Syafie.
- Ibn Taymiyyah, Taqiyuddin Ahmad bin Abd Halim. 2005. *Majmu' al-Fatawa*. Jil. 32. Mesir: Dar al-Wafa'.
- Jabatan Agama Islam Pahang. t.th. Soalan Lazim. <http://jaip.pahang.gov.my/index.php/penerbitan/soalan-lazim#>.
- al-Jaziri, Abd al-Rahman. 2001. *al-Fiqh ʿala al-Madhahib al-Arba'ah*. Jil. 4. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- al-Kasani, ʿAlawddin Abu Bakr bin Mas'ud bin Ahmad. 1986. *Badai' al-Sanai' fi Tartib al-Sharai'*. Jil. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- al-Marghinani, ʿAli ibn Abi Bakr. 2010. *al-Hidayah fi Sharh Bidayah al-Mubtadi*. Jil. 4. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-ʿArabi.
- Mohd Shahzihan bin Ahmad. 2009. Cadangan bagi kenaikan mas kahwin negeri Selangor. Kertas kerja Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor. Shah Alam, Selangor.
- Mohd Taib Osman. 1974. *Kesusasteraan Melayu Lama*. Kuala Lumpur: Federal Publication.
- Roland Knyvet Wilson. 1928. *Muhammadan Law: A Digest*. Lahore: Katchery Road.
- al-Sabiq, Sayyid. 2000. *Fiqh al-Sunnah*. Jil. 2. Mesir: Dar al-Fath li al-ʿIlam al-ʿArab.
- Salmy Edawati Yaacob. 2009. Realiti semasa penggunaan dinar emas di Malaysia. *Prosiding Seminar Antarabangsa Penjanaan Ekonomi Melalui Transaksi*. hlm. 347-360.
- Salmy Edawati Yaacob, Sanep Ahmad & Wan Najihah. 2009. Kestabilan mata wang dalam menangani krisis ekonomi: ke arah penggunaan dinar emas. *Prosiding Seminar Antarabangsa Penjanaan Ekonomi Melalui Transaksi*, hlm. 373-388.
- Sanep Ahmad. 2009. Dinar emas: pilihan penuh dilemma. *Prosiding Seminar Antarabangsa Penjanaan Ekonomi Melalui Transaksi*. hlm. 53-66.
- Sazilarahimi binti Sepawi. 2017. Amalan penentuan kadar mas kahwin di negeri Pahang. Temubual, 2 Mac.
- Shamim Aleem. 2007. *Prophet Muhammad(s) and His Family: A Sociological Perspective*. Bloomington: IN AuthorHouse.

- al-Sha'rawi, Muhammad Mutawalli. 2000. *Ahkam al-Usrah li Bayt al-Muslim*. Kaherah: Maktabah al-Turath al-Islami.
- al-Siba'i, Mustafa bin Husni. 1999. *al-Mar'ah Bayna al-Fiqh wa al-Qanun*. Beirut: Dar al- Warq li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Siti Nor Ahasah binti Shafak Ahmad. 2012. Amalan penetapan kadar mahar dalam kalangan masyarakat Islam di Daerah Klang, Selangor: analisis dari perspektif perundangan Islam. Disertasi Sarjana, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Universiti Malaya.
- Sukayri, Isma'il 'Ali Taha. 2006. *Ahkam al-Nikah*. Iraq: Markaz al-Buhuth wa al-Dirasat al-Islamiyyah.
- Utyah, Jarji Shahin. 2007. *Mu'jam al-Mu'tamad*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Ilmiyyah.
- Winstedt, R.O. 1992. *A History of Johore*. Kuala Lumpur: The Malaysian Branch Royal Asiatic Society (MBRAS).
- Zaini Nasohah. 2004. *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia Sebelum dan Menjelang Merdeka*. Selangor: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Zaydan, 'Abd al-Karim. 1993. *al-Mufasssal fi Ahkam al-Mar'ah wa al-Bayt al-Muslim fi al-Shari'ah al-Islamiah*. Jil. 6. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- al-Zuhayli, Wahbah. 1989. *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Damsyik: Dar al-Fikr.

Muhammad Najib Abd Wakil
ajib.111.mn@gmail.com
Postgraduate Student,
Jabatan Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor,
MALAYSIA

Che Maryam Ahmad
cyam@ukm.edu.my
Jabatan Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor,
MALAYSIA

Journal of Contemporary Islamic Law

Vol. 2(2) (2017)

Editor-In-Chief

Dr. Mohd Al Adib Samuri

Co-Editor

Assoc. Prof. Dr. Salmi Edawati Yaacob

Secretary

Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

Senior Editors

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad
Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad
Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad
Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah
Assoc. Prof. Dr. Ibnor Azli Ibrahim
Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin

Chief Managing Editor

Dr. Mat Noor Mat Zain

Arabic Copy Editor

Anwar Fakhri Omar

Bahasa Copy Editor

Dr. Mohd Zamro Muda
Md. Yazid Ahmad

Editor

Dr. Mohammad Zaini Yahaya
Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani
Dr. Azlin Alisa Ahmad
Mohd Hafiz Safiai

Published by:

Jabatan Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Suggested citation style

Author, (2017), Title, Journal of Contemporary
Islamic Law, 2(2), pages,
<http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Noncommercial-No Derivative Works 3.0 Unported License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>). You can download an electronic version online. You are free to copy, distribute and transmit the work under the following conditions: Attribution – you must attribute the work in the manner specified by the author or licensor (but not in any way that suggests that they endorse you or your use of the work); Noncommercial – you may not use this work for commercial purposes; No Derivate Works – you may not alter, transform, or build upon this work.

Journal of Contemporary **ISLAMIC LAW**

Volume: 2 Issue: 2

eISSN: 0127-788X

DECEMBER 2017



Published by:
Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
www.ukm.my/jcil

eISSN 0127-788X

